

**NO SOALAN : 88**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**TARIKH : 02.08.17  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan punca-punca terhempasnya pesawat terbang Hawk dari tahun 1995 hingga 2017, dan apakah langkah-langkah mengatasinya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkhidmatan pesawat Hawk ini beroperasi semenjak dari tahun 1995 lagi. Sehingga kini, sebanyak sepuluh kemalangan telah dicatatkan berbanding dengan jumlah 42 ribu jam penerbangan. Kes yang terbaru berlaku pada 15 Jun 2017 masih lagi dalam siasatan.

Pihak TUDM sentiasa mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan risiko kemalangan pesawat sepanjang masa melalui *Safety Risk Management* (SRM). Antara langkah yang diambil oleh pihak TUDM adalah dengan memperketatkan tahap kompetensi setiap juruterbang dan juruteknik pesawat, pematuhan kepada jadual penyelenggaraan dan prosedur penerbangan taktikal yang kompleks.